



INFO@HEPA



# MESYUARAT PENYELARASAN BERSAMA PENAJA PTPTN

Oleh: Pn. Noora Md. Yusoff

Bertempat di ibu pejabat PTPTN di Wisma Chase Perdana, Kuala Lumpur pada 28 Mac 2011 telah diadakan Mesyuarat Penyelarasan Maklumat berkaitan keperluan tajaan PTPTN melibatkan pelajar UniMAP. Mesyuarat yang turut dihadiri oleh Timbalan Pendaftar Kanan JHEPA dan Timbalan Pengurus Kanan PTPTN telah berjaya menyelesaikan beberapa perkara berbangkit terutamanya melibatkan hal-hal berkaitan pengesahan data pelajar bagi tujuan pembayaran pinjaman PTPTN kepada pelajar UniMAP.

Hasil daripada pertemuan berkenaan, beberapa perkara telah berjaya dimurnikan untuk kebaikan semua pihak. Hasil daripada pertemuan ini juga, JHEPA, UniMAP juga dengan kerjasama Jabatan Bendahari dan ICT akan membangunkan satu sistem yang dikenali sebagai e-PTPTN bagi membolehkan segala urusan berkaitan dapat di laksanakan dengan lebih mudah, cepat dan tepat serta mengurangkan kesilapan.

Semoga dengan pertemuan ini, Unit Pinjaman dan Kebajikan Pelajar mampu untuk terus mengekalkan prestasi perkhidmatan yang terbaik kepada pelajar dan UniMAP secara khususnya.